



**LEMBAGA INDUSTRI GETAH SARAWAK
SARAWAK RUBBER INDUSTRY BOARD (SARIB)
NOTIS JAWATAN KOSONG**

Lembaga Industri Getah Sarawak (*Sarawak Rubber Industry Board*) dengan ini mempelawa Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan kosong bertaraf **Kontrak** seperti berikut:

1. Jawatan	:	Pegawai Pertanian atau Jurutera Pertanian, Gred 12 (Bahagian Pengembangan dan Teknologi)		
Bil. Iklan	:	01/25		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		12	RM5,530.00	RM13,540.00
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)		

Syarat Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Kimia, Biokimia, Pertanian, Hortikultur, Bioindustri, Bioteknologi, Perniagaan Tani, Teknologi Pertanian, Agroteknologi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Pertanian atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Mempunyai pengalaman kerja **sekurang-kurangnya 15 tahun** dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Pegawai bertanggungjawab untuk merancang, menyelia, dan melaksanakan projek-projek berkaitan sektor pertanian. Tugas ini merangkumi penyediaan input teknikal serta sokongan profesional kepada pengusaha pertanian bagi meningkatkan kecekapan operasi dan hasil pengeluaran.

2. Jawatan	:	Pegawai Pertanian, Gred 9 (Bahagian Pengembangan dan Teknologi)		
Bil. Iklan	:	02/25		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		9	RM2,250.00	RM11,110.00
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)		

Syarat Kelayakan:

- a) Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Kimia, Biokimia, Pertanian, Hortikultur, Bioindustri, Bioteknologi, Perniagaan Tani, Teknologi Pertanian, Agroteknologi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Pertanian atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- c) Memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Mempunyai pengalaman kerja **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Pegawai bertanggungjawab melaksanakan aktiviti lapangan, memberi sokongan teknikal asas kepada pengusaha, menyelaraskan program pertanian, serta menyediakan dokumentasi dan laporan projek.

3. Jawatan	:	Penolong Pegawai Pertanian, Gred 5 (Bahagian Pengembangan dan Teknologi)		
Bil. Iklan	:	03/25		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		5	RM1,650.00	RM6,620.00
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)		

Syarat Kelayakan:

- a) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) Diploma Pertanian, Diploma dalam bidang Hortikultur, Bioteknologi, Perniagaan Tani, Agroteknologi/Teknologi Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- c) Memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Mempunyai pengalaman kerja **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Pegawai bertanggungjawab menyelia aktiviti penanaman dan penjagaan tanaman, membantu pelaksanaan projek tanaman, menyediakan data serta laporan lapangan, dan bertindak sebagai penghubung antara agensi dengan komuniti tani setempat.

4. Jawatan	:	Penolong Pegawai Tadbir, Gred 5 (Bahagian Pengurusan dan Kewangan)						
Bil. Iklan	:	04/25						
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)						
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana						
Taraf Jawatan	:	Kontrak						
Jadual Gaji	:	<table> <tr> <th>Gred Gaji</th><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksimum</th></tr> <tr> <td>5</td><td>RM1,650.00</td><td>RM6,620.00</td></tr> </table>	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	5	RM1,650.00	RM6,620.00
Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum						
5	RM1,650.00	RM6,620.00						
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)						

Syarat Kelayakan:

- Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam, Pengurusan, Kewangan, Perakaunan, Ekonomi atau bidang-bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan; atau
- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dengan mendapat prinsipal dalam sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran serta kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- Mempunyai pengalaman kerja **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** dalam bidang kewangan atau perakaunan yang berkaitan serta kemahiran menggunakan perisian kewangan seperti *Microsoft Excel*, *UBS Accounting*, atau sistem kewangan Kerajaan seperti iGFMS, ePerolehan, eVot dan lain-lain.

Skop Tugas:

Pegawai bertanggungjawab membantu Bahagian Pengurusan dan Kewangan dalam aspek pengurusan belanjawan dan perancangan kewangan, pengurusan akaun dan pembayaran, urusan perolehan serta pembelian, pelaporan dan penyimpanan rekod kewangan, serta perkhidmatan personel dan pentadbiran pejabat.

5. Jawatan	:	Pembantu Khidmat Am, Gred 1 (Bahagian Pengurusan dan Kewangan)						
Bil. Iklan	:	05/25						
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)						
Kump. Perkhidmatan	:	Kemahiran						
Taraf Jawatan	:	Kontrak						
Jadual Gaji	:	<table> <tr> <th>Gred Gaji</th><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksimum</th></tr> <tr> <td>1</td><td>RM1,500.00</td><td>RM4,680.00</td></tr> </table>	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	1	RM1,500.00	RM4,680.00
Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum						
1	RM1,500.00	RM4,680.00						
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)						

Syarat Kelayakan:

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan berserta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan berserta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Mempunyai pengalaman kerja **sekurang-kurangnya enam (6) tahun** dalam bidang berkaitan; dan
- Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

Skop Tugas:

Pembantu Khidmat Awam bertanggungjawab melaksanakan pelbagai tugas sokongan am termasuk penghantaran dan pengedaran dokumen, pergerakan serta penyusunan peralatan pejabat dan stor, penjagaan kebersihan kawasan kerja, memandu kenderaan agensi bagi tujuan rasmi, serta membantu

melaksanakan tugas-tugas pejabat harian yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa. Peranan ini penting dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi harian agensi.

CARA MEMOHON:

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan satu (1) salinan dokumen berikut sebagai permohonan lengkap:

- (i) Mengemukakan surat permohonan beserta surat iringan (*cover letter*) yang menyatakan dengan jelas jawatan yang dipohon, dan memastikan jawatan tersebut ditulis di penjuru kanan atas sampul surat permohonan;
- (ii) Resume lengkap yang terkini;
- (iii) Salinan kad pengenalan yang telah **disahkan**;
- (iv) Salinan sijil kelayakan akademik, sijil-sijil lain serta dokumen berkaitan yang telah **disahkan**; dan
- (v) Sekeping gambar berukuran passport.

Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA INDUSTRI GETAH SARAWAK (SARIB)
D/A TINGKAT 2, WISMA SALCRA, NO. 1 LOT 2220,
BLOCK 26, MTLD, JALAN DATO MOHD MUSA,
94300 KOTA SAMARAHAN**

Catatan:

- (i) Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga;
- (ii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses; dan
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.

Tarikh Iklan : 8 September 2025
Tarikh Tutup Permohonan : 26 September 2025